

**SESI KUNJUNGAN HORMAT KE INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR (IDB)**

Tarikh : 17 Februari 2025 (Selasa)

Tempat : Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB),
Kuala Lumpur

Satu sesi kunjungan hormat ke Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB), Kuala Lumpur telah diadakan pada 17 Februari 2025. Lawatan tersebut telah disertai oleh YBrs. Tuan Pengarah INSTUN, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Ketua Bahagian Perundangan dan Pengurusan Tanah, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat dan wakil dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Objektif program dijalankan adalah seperti berikut:-

- i. Memahami fungsi dan peranan kedua-dua institusi dengan lebih jelas;
- ii. Meneroka peluang untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang terutama bidang tanah dan ukur di antara kedua-dua institusi; dan
- iii. Melawat fasiliti yang terdapat di IDB.

Rombongan INSTUN telah disambut oleh YBrs. Tuan Pengetua IDB; Encik Khairul Azmir bin Ahmad, Pendaftar, Ketua-ketua Bidang dan pegawai IDB. Program dimulakan dengan sesi menandatangani buku pelawat sebelum disusuli dengan taklimat organisasi oleh pihak IDB. Menerusi ucapan aluan oleh YBrs. Tuan Pengetua IDB, INSTUN dimaklumkan berkenaan keperluan kursus dalam bidang pengurusan dan perundangan tanah oleh pihak IDB khasnya yang berkait Kanun Tanah Negara (KTN). Selain itu pihak IDB turut menyatakan minat berkenaan projek kemudahan *Remote Pilot Training Organisation (RPTO)* dan pensijilan *Remote Pilot Certificate of Competency (RCoC)* bagi pengendali dron yang dijangka akan dilaksanakan di INSTUN pada tahun 2026.

IDB menjalankan kerjasama dengan agensi dari dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang termasuk pengurusan harta tanah dan bidang ukur. Peluang ini boleh dimanfaatkan oleh INSTUN untuk menghebahkan program dan aktiviti anjurannya selain mengembangkan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat. Usai taklimat organisasi dan sesi soal jawab, rombongan INSTUN telah dibawa untuk melihat fasiliti yang terdapat di premis IDB sebelum program diakhiri dengan jamuan makan tengah hari.









